

Norsiah Iantik Karpal bela kematian anaknya
Malaysiakini.com
May 3, 2010
Christine Chan

Peguam Karpal Singh yang juga pengerusi DAP akan mengiringi keluarga Aminulrasyid Amzah ke lokasi di mana remaja berusia 14 tahun itu ditembak mati oleh polis pada 26 April lalu.

"Perkara pertama ialah meninjau di lokasi kejadian," kata Karpal pada sidang media bagi mengumumkan perlantikannya sebagai peguam keluarga itu.

Menurut Karpal, dia dilantik oleh keluarga tersebut oleh Norsiah Mohamad, ibu kepada remaja berkenaan.

"Saya telah diminta bagi bertindak bagi pihak ibu Aminulrasyid berhubung semua perkara yang timbul akibat kematian anaknya, termasuk memulakan prosiding undang-undang - kedua-dua sivil dan juga jenayah - terhadap polis dan kerajaan," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/130831>